



Memperkasakan Ekonomi Umat Islam

▶ Zaharuddin Abd Rahman

Dunia moden hari ini telah membuktikan bahawa ukuran kekuatan sesebuah negara itu bukan lagi dilihat hanya pada kehebatan dan kecanggihan ketenteraan mahupun aset senjata, sebaliknya ekonomi juga merupakan antara elemen penting yang menjadi kayu ukur bagi menentukan kekuatan dan kelemahan sesebuah negara.

Pada peringkat nasional pula, ekonomi yang stabil merangkumi kemampuan negara menyediakan peluang ekonomi yang baik untuk rakyatnya, mempunyai ekonomi yang mandiri, dan memiliki sistem ketahanan dan ketenteraan yang kuat serta dihormati oleh negara luar.

Jika kita hayati sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Tabarani, Nabi Muhammad SAW pernah bersabda yang bermaksud, "Pada akhir zaman kelak, manusia harus menyediakan harta untuk menegakkan urusan agama dan urusan dunianya." Menegakkan urusan agama dan dunia dalam

hadis ini turut membawa maksud memiliki ketahanan ekonomi yang kukuh. Hal ini membuktikan bahawa masyarakat Islam pada zaman ini memerlukan sebuah ekonomi yang mantap untuk meneruskan kehidupan dan menjalankan tanggungjawab mereka sebagai umat Islam yang baik. Namun begitu, secara realitinya keadaan negara Islam pada peringkat global ketika ini masih lagi belum mencapai tahap kejayaan sebagai kuasa besar, terutamanya dalam aspek ekonomi.

Realiti semasa di Malaysia

Dalam konteks Malaysia, apabila melihat realiti semasa,

kita dapati bahawa keupayaan dan kemampuan masyarakat Islam terutamanya dari sudut penguasaan ekonomi negara secara keseluruhannya boleh dikatakan masih belum cukup memberangsangkan jika dibandingkan dengan masyarakat bukan Islam meskipun penduduk Islam di negara ini merupakan penduduk majoriti. Hal ini dapat dibuktikan menerusi data yang diperolehi sama ada berdasarkan data kadar kemiskinan, jurang pendapatan antara kaum, kadar pemilikan hartanah dan juga kadar pemilikan ekuiti dalam negara.

Sebagai contoh, statistik peratusan kemiskinan tegar kaum bumiputera masih lagi mencatatkan kadar kemiskinan yang teratas dalam kalangan miskin bandar dan luar bandar jika dibandingkan dengan kelompok lain, iaitu sebanyak 7.2 peratus, lebih daripada lima kali ganda jika dibandingkan dengan kaum Cina. Selain itu, data menunjukkan masih wujud beberapa negeri termiskin di negara ini. Kesemua negeri ini merupakan negeri yang dikuasai oleh penduduk bumiputera sebagai majoriti.

Dari sudut pemilikan ekuiti pula, peratusan yang dimiliki oleh kaum bumiputera mencatatkan antara nilai yang terendah dalam sejarah negara, iaitu sebanyak 17.2 peratus pada tahun 2021 berbanding dengan 23 peratus pada tahun 2011, dan 19.3 peratus pada tahun 1990. Lebih membimbangkan, angka peratusan ekuiti yang dimiliki oleh masyarakat bumiputera ini dijangkakan akan terus

menurun jika tiada langkah dan pendekatan yang drastik diambil oleh pihak berwajib.

Daripada data ini, dapat disimpulkan bahawa penguasaan ekonomi negara tidak menunjukkan tanda diungguli oleh kaum bumiputera yang juga majoritinya beragama Islam. Terbaharu, dapatan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mencatatkan bahawa nisbah pencarum yang diwakili oleh masyarakat Melayu menunjukkan 74 peratus daripada jumlah keseluruhan 5.9 juta pencarum mempunyai baki simpanan persaraan kurang daripada RM10 000. Keadaan ini juga amat membimbangkan sekiranya tiada inisiatif atau usaha yang strategik dirancang untuk membangunkan semula ekonomi masyarakat Islam di Malaysia.

Hal ini jelas menunjukkan bahawa memiliki harta dan ekonomi yang kukuh meskipun pada peringkat individu amat penting dan dapat dilihat sebagai usaha untuk menegakkan urusan agama dan dunia. Hal tersebut membolehkan lebih ramai lagi umat Islam menguasai pelbagai bidang ilmu, dan akan menyumbang terhadap perkembangan ekonomi dalam masyarakat seperti menyediakan peluang pekerjaan, meningkatkan kemahiran, serta menyebarkan dakwah dan ilmu pengetahuan kepada orang lain. Umat Islam patut mencontohi para sahabat Rasulullah SAW yang membantu ummah dari segi kewangan dengan melakukan amalan seperti bersedekah, membayar zakat, berwakaf, infak dan hibah yang akhirnya akan

menguatkan lagi ekonomi dalam sesebuah masyarakat Islam. Oleh sebab itu, langkah dan usaha memperkasakan ekonomi masyarakat Islam di negara ini perlu diberikan perhatian secara khusus dan terperinci bagi memastikan agenda pembangunan dan kemaslahatan umat dapat dicapai.

Mempertingkatkan kemahiran pengurusan dan literasi kewangan dalam kalangan Muslim

Perlu diketahui bahawa antara elemen penting yang dapat menyumbang ke arah usaha pembangunan ekonomi sesebuah masyarakat termasuklah penguasaan kemahiran pengurusan dan literasi kewangan. Hal ini merupakan satu bentuk kemahiran asas yang amat diperlukan dalam usaha memperkasakan pembangunan ummah yang lebih kukuh.

Jika dilihat senario yang berlaku dalam kalangan usahawan Islam, secara realitinya kebanyakan mereka masih lagi gagal untuk bersaing dengan usahawan bukan Islam. Hal ini disebabkan oleh beberapa faktor yang cukup jelas seperti kegagalan membayar pinjaman bank sehingga menyebabkan peningkatan tunggakan hutang, gagal membuat pembayaran pinjaman pendidikan, melakukan perbelanjaan peribadi secara tidak dirancang, dan penggunaan kad kredit tanpa kawalan sehingga menyebabkan ramai yang jatuh mufliis. Data yang dikeluarkan oleh Jabatan Resolvensi Malaysia dari tahun 2015 hingga 2019 menunjukkan

56 peratus individu yang diisytiharkan sebagai muflis terdiri daripada kaum bumiputera.

Hal ini juga disokong oleh dapatan kajian yang telah dijalankan oleh beberapa institusi kewangan negara seperti Bank Negara Malaysia (BNM), Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Malaysian Financial Planning Council (MFPC) dan Organisasi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) yang menunjukkan bahawa tahap literasi kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia kini masih lagi berada pada tahap yang membimbangkan, terutamanya dalam kalangan masyarakat Muslim. Isu literasi kewangan ini amat penting dan perlu diberikan perhatian kerana hal tersebut merupakan pengetahuan asas terhadap pengurusan kewangan dan merupakan satu daripada komponen penting dalam sesebuah ekonomi negara. Kepentingan untuk memperkasakan literasi kewangan ini dapat dilihat menerusi kemampuannya mempengaruhi pembangunan ekonomi bagi sesebuah negara menerusi keupayaan masyarakat itu memproses maklumat sebelum membuat sesuatu keputusan kewangan yang betul, terutamanya dalam perancangan kewangan. Oleh sebab itu, usaha untuk meningkatkan kemahiran pengurusan dan literasi kewangan ini perlu dilihat sebagai aspek penting dan perlu diambil kira sebagai pencetus terhadap langkah untuk mempercepat proses pemerksaan ekonomi ummah.

Memperkasakan pembangunan umat Islam khususnya usahawan bumiputera melalui ekonomi digital

Umat Islam juga mesti bijak merebut peluang perniagaan yang ada kerana bangsa yang maju pada mata dunia ialah bangsa yang menerapkan semangat keusahawanan dan berdaya saing. Namun begitu, secara tradisinya masyarakat Melayu di Malaysia lebih suka memilih untuk “makan gaji”, sedangkan bangsa lain rata-rata lebih cenderung memanfaatkan peluang untuk berniaga. Minda “makan gaji” memang dirasakan lebih selesa dan terjamin, namun sebenarnya hal tersebut akan terus menjadikan kita sebagai pengikut dan pekerja, dan bukannya ketua dan pencetus.

Oleh itu, amat baik jika kita mula berjinak-jinak dan

Selain perlu menitikberatkan soal halal dan haram seperti menjauhi riba, menipu timbangan, dan barangan yang diniagakan perlu mengikut landasan syarak seperti yang telah digariskan dalam al-Quran, usahawan Islam juga perlu bijak melihat perubahan semasa sebagai satu peluang untuk meningkatkan perniagaan mereka terutama dalam memanfaatkan kecanggihan teknologi pada masa ini.

memberihikan kemahiran, modal dan pengalaman melalui pelbagai platform digital yang wujud ketika ini. Antaranya termasuklah platform pendidikan secara dalam talian seperti *mycourse.my* yang menyediakan peluang pembelajaran ilmu secara tersusun melalui video dan nota serta diberikan sijil. Ilmu dan kemahiran yang boleh dipelajari

dengan harga yang murah serta disampaikan oleh tenaga pengajar pakar dalam industri ini sangat membantu meningkatkan kebolehpasaran pelajar dan calon pekerja untuk menjadi lebih berdaya saing dan mampu bertahan dalam syarikat dan organisasi.

Selain itu, usahawan juga sering dibebani oleh masalah pengurusan yang tidak cekap. Untuk mendapatkan pekerja yang cekap, kos yang tinggi diperlukan bagi bayaran gaji yang setimpal. Oleh itu, syarikat mikro dan kecil sering terperangkap dalam dunia pengurusan organisasi dan syarikat yang tidak efisien, malah dilaksanakan secara manual dengan ketiadaan prosedur operasi standard (SOP). Oleh hal yang demikian, penggunaan sistem digital yang wujud hasil inovasi pelbagai

pihak hari ini mesti diterokai oleh para usahawan. Antaranya termasuklah sistem perakaunan, tempat jual (*point of sales*) dan yang terkini wujudnya sistem yang dapat membantu proses kutipan bayaran ansuran bulanan, sama ada untuk sewaan, bayaran ansuran hutang, kutipan yuran dan lain-lain. Sistem yang dinamakan *ibayar*,

ansurlah.com serta bayarfi.com ini dikeluarkan oleh Myclass Technologies Sdn. Bhd. Melalui sistem *ibayar*, semua urusan diuruskan secara kemas dalam sistem, lengkap dengan penyata akaun dan peringatan bayaran lambat. Hal ini sangat menarik dengan kos yang mampu milik.

Selain perlu menitikberatkan soal halal dan haram seperti menjauhi riba, menipu timbangan, dan barangan yang diniagakan perlu mengikut landasan syarak seperti yang telah digariskan dalam al-Quran, usahawan Islam juga perlu bijak melihat perubahan semasa sebagai satu peluang untuk meningkatkan perniagaan mereka terutama dalam memanfaatkan kecanggihan teknologi pada masa ini. Pada masa yang sama, mereka juga amat disarankan untuk turut meneroka dan menceburi bidang ekonomi digital sebagai satu inisiatif bagi melahirkan lebih ramai usahawan Islam yang berjaya selaras dengan kemajuan teknologi dan era globalisasi yang semakin pantas berkembang.

Dengan adanya pendedahan tentang kepentingan digitalisasi dalam perniagaan terutama dalam kalangan usahawan bumiputera ini, secara tidak langsung akan membuka lebih banyak peluang untuk meluaskan lagi pasaran jualan dan promosi tentang sesuatu produk secara mudah dan pantas serta menjimatkan kos. Pengetahuan dan kemahiran dalam bidang ini juga turut merangkumi analisis data dan pemasaran secara digital, meneroka dan mengenal pasti solusi digital yang dapat membantu dari segi peningkatan

jualan serta peningkatan produktiviti perniagaan. Hal ini sekali gus akan mencipta lebih banyak peluang pekerjaan dan akhirnya dapat membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi perniagaan mereka.

Meskipun usaha untuk membangunkan ekonomi digital ini diakui masih belum dapat direalisasikan secara sepenuhnya serta berdepan dengan cabaran dan kekangan seperti kos dan tenaga pakar, namun tidak dinafikan bahawa bidang ini juga telah menyaksikan beberapa golongan usahawan serta firma kecil semakin meningkat maju. Antara kemunculan syarikat teknologi "unikorn" yang terhasil daripada ledakan transformasi digital yang terkenal di Asia Tenggara ini termasuklah GoJek, Grab, Shopee dan Traveloka.

Sebagai kesimpulan, tidak dapat dinafikan bahawa umat Islam di negara ini sebenarnya mempunyai potensi yang cerah untuk memperkukuh lagi usaha memperkasakan ekonomi ummah. Hal ini jelas dapat dibuktikan apabila Malaysia mempunyai kelebihan yang tersendiri dari segi pencapaian dan penguasaan sistem kewangan Islam yang semakin menunjukkan peningkatan serta sambutan yang menggalakkan dalam masyarakat kita pada hari ini. Segala kelebihan dan keistimewaan ini sepatutnya dapat membuka lebih banyak peluang kepada golongan bumiputera dan umat Islam secara khususnya untuk menggembelng tenaga



dan mengerahkan segala sumber dan modal insan yang ada bagi memastikan usaha untuk memperkasakan ekonomi umat Islam di negara ini dapat direalisasikan.

Sikap terlalu selesa dan bergantung pada bantuan atau dana kerajaan hendaklah diubah, apatah lagi sikap mengkhianati dana dan kepercayaan tersebut. Banyak peluang yang pernah diberikan oleh kerajaan kepada bumiputera khususnya sebelum ini telah disia-siakan dan akhirnya direbut oleh bangsa lain yang menggunakannya untuk meningkatkan ekonomi mereka. Usahlah kita terus berbalah dan hanya menumpukan terhadap perbezaan dan kemusykilan yang remeh sehingga akhirnya ketinggalan dalam pelbagai aspek lain yang lebih penting untuk difikirkan. Sebaliknya umat Islam sendirilah yang harus bersatu untuk membela nasib dengan mengubah sikap agar menjadi lebih terbuka, rajin mencari ilmu, mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran serta mencari peluang untuk lebih maju. 🇲🇾